



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS PEMBUKAAN RASMI BENGKEL PENILAIAN RISIKO KEBANGSAAN TERHADAP KEGIATAN PEMBERSIHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN PENGGANASAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Hari Selasa, 12 Januari 2016, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong

---

1. Unit Perisikan Kewangan, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) selaku Urusetia Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan (*National Anti-Money Laundering and Combating the Financing of Terrorism Committee – NAMLC*) dan World Bank, telah menganjurkan Bengkel Penilaian Risiko Kebangsaan (NRA) terhadap Kegiatan Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan pada 12 hingga 14 Januari 2016 di Dewan Songket III, Rizqun International Hotel, Gadong.
2. Tetamu Kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi bengkel tersebut, pada 12 Januari 2016, ialah Yang Mulia Dato Paduka Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.
3. Projek Penilaian Risiko Kebangsaan yang julung kali diadakan ini merupakan projek sepanjang tahun yang melibatkan proses mengenal pasti dan menilai risiko pembersihan wang haram dan pembiayaan pengganasan di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya, menganalisa sumber utama dan pemandu risiko untuk menyediakan dasar dan tindakan yang berkesan dan berdasarkan risiko. Selain itu, tujuan projek ini juga adalah untuk memastikan pematuhan terhadap saranan pertama yang terkandung di dalam piawaian antarabangsa Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (*Financial Action Task Force Recommendations*).
4. Projek yang dibahagikan kepada lapan kumpulan kerja ini, melibatkan kerjasama di antara seramai 60 orang pegawai daripada pelbagai agensi termasuk agensi-agensi penguatkuasaan, agensi-agensi perisikan, AMBD, Pejabat Peguam Negara dan juga sektor swasta, mengambilkira mengatasi risiko pembersihan wang haram dan pembiayaan pengganasan memerlukan tindak balas kebangsaan.
5. Penyediaan Penilaian Risiko Kebangsaan ini akan dikendalikan melalui tiga fasa bermula dengan bengkel pertama yang bertujuan untuk mengenal pasti data dan maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan penilaian. Fasa kedua termasuk satu bengkel bertujuan untuk menyemak deraf laporan penilaian. Fasa terakhir pula akan merangkumi satu lagi bengkel untuk membuat semakan terakhir terhadap hasil penilaian dan pelan tindakan berdasarkan risiko yang akan disampaikan

kepada NAMLC bagi pengesahan dan perlaksanaan seterusnya. Penilaian risiko kebangsaan ini dijangka akan selesai dilaksanakan tidak lewat daripada 31 Januari 2017.

6. Hasil daripada penilaian risiko kebangsaan ini akan diedarkan kepada pihak-pihak berkepentingan termasuk penggubal-penggubal dasar, agensi-agensi penyelia, agensi-agensi operasi dan institusi-insitusi kewangan serta bukan kewangan nanti. Penilaian tersebut juga akan menjadi asas bagi memperuntukkan sumber dengan cara yang paling berkesan untuk menghapuskan, mengawal dan mengurangkan risiko pembersihan wang haram dan pembiayaan pengganasan yang telah dikenal pasti.
7. Turut hadir pada Majlis Pembukaan Rasmi ini ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai eksekutif dari sektor swasta serta peserta-peserta bengkel.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 2 Rabiulakhir 1437H/ 12 January 2016M  
Rujukan: AMBD/COMMS/3/2016/002